

DATE: 21 / 03 / 2000

Raja-raja Melayu berkuasa satukan semula umat Islam

ALOR GAJAH 20 Mac — Raja-raja Melayu memainkan peranan penting untuk menyatukan semula umat Islam yang bertentangan pendapat akibat perbezaan fahaman politik di negara ini.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, tidak ada institusi lain kecuali raja-raja Melayu yang mempunyai kuasa sebagai ketua agama yang harus bertindak dalam hal ini.

“Institusi raja-raja harus melihat kepada masa depan negara kita secara menyeluruh dengan mengembalikan umat Islam kepada landasan yang benar,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat pegawai-pegawai kanan Kementerian Belia dan Sukan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pandangan Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya, Tan Sri Abdul Kader Talip, semalam bahawa raja-raja Melayu bersuara dan menggunakan kuasa untuk menyatukan kembali umat Islam yang bertentangan pendapat akibat perbezaan fahaman politik di negara ini.

Rabu lalu, dalam ucapan sempena sambutan Hari

Raya Aidiladha, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, raja-raja Melayu boleh memainkan peranan menyatukan masyarakat Islam yang berlainan fahaman politik di negara ini melalui majlis-majlis agama yang mereka terajui.

Hishammuddin berkata, langkah ini perlu kerana melihatkan keadaan sekarang apabila kadangkala agama digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu sehingga memecah-belahkan masyarakat.

“Kalau saya selaku Ketua Pemuda UMNO, mereka tidak akan mendengarnya dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO, mereka tidak akan hiraukan.

“Jadi sekurang-kurangnya raja-raja Melayu yang diamanahkan sebagai ketua agama boleh memainkan peranan untuk memansuhkan mereka,” ujarnya.

Menurut beliau, apa jua usaha untuk merapatkan balik silaturahim orang Melayu adalah wajar kerana perpecahan bangsa Melayu masa kini sudah sampai ke tahap agak membimbangkan.